

14 JAN 1999

Dr Hasmah-Bantuan

BAKTI SEDIA BANTU PESAKIT MISKIN DAPATKAN RAWATAN

KOTA BAHARU, 14 Jan (Bernama) -- Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) bersedia membantu pesakit jantung berlubang daripada keluarga miskin untuk mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Yang Dipertuanya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata pesakit berkenaan perlu merujuk perkara itu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang kemudian akan mengemukakan permohonan kepada Bakti bersama surat pengesahan doktor pakar.

"Ibu bapa perlu berikhtiar dan tidak harus membiarkan anak terlantar sakit terutama di kalangan penduduk kampung," katanya ketika ditemui pemberita sempena lawatannya ke Hospital Kota Baharu (HKB) di sini hari ini.

Dr Hasmah berada di sini bagi mengiringi lawatan sehari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan.

Dalam lawatan selama satu jam setengah itu, beliau turut mengunjungi pesakit di HKB serta menyampaikan sumbangan hari raya kepada mereka.

Yang turut sama dalam lawatan ke HKB itu ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail, Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan Dr Yao Sik Chi, Pengarah HKB Marry Abraham dan Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan Abdullah Ismail.

Dr Hasmah juga meminta ibu bapa untuk tidak melengah-lengahkan rawatan anak mereka yang menghidap penyakit berbahaya seperti jantung berlubang kerana boleh menyebabkan kes itu bertambah parah.

Ibu bapa juga tidak digalakkan mengamalkan perubahan tradisional seperti mengurut mangsa yang cedera seperti patah tulang atau kemalangan dan sebaliknya mendapat rawatan doktor, katanya.

"Bukan saya tidak percaya dengan ubat kampung tetapi kalau sudah menular akan menjadi bahaya," nasihat beliau.

-- BERNAMA

MNR RON